

10 OCT 1996

Mahathir-Razaleigh

INGATAN DR MAHATHIR KEPADA PEMILIHAN 1987 ADA RELEVAN, KATA RAZALEIGH

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah, yang tewas kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pemilihan presiden Umno pada tahun 1987, menyokong ketegasan Perdana Menteri supaya amalan politik wang dibanteras.

Beliau berkata ingatan Presiden Umno kepada para perwakilan mengenai pertandingan tahun 1987 itu ada relevannya kerana berlaku perebutan jawatan dalam perhimpunan agung tahun ini.

"Saya sendiri tidak tahu sama ada berlaku atau tidak penggunaan wang (pada tahun 1987) tetapi walaupun ada, tidaklah sebanyak yang berlaku sekarang," katanya kepada pemberita semasa rehat selepas ucapan dasar Presiden parti pada hari pembukaan perhimpunan agung itu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir, antara lain, mengingatkan para perwakilan terhadap perpecahan yang berlaku kepada Umno ekoran perebutan jawatan itu sehingga menyebabkan Parti Melayu Semangat 46 (S46) pimpinan Tengku Razaleigh ditubuhkan.

Setelah lapan tahun berjuang, S46 dibubarkan Ahad lepas untuk menyertai semula Umno. Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno malam tadi mengesahkan kemasukan 200,000 anggota S46, menjadikan jumlah keanggotaan Umno kini 2.6 juta orang.

Razaleigh berkata beliau gembira dapat bersama-sama semula dalam Umno dan berharap menyumbangkan tenaga dan fikiran jika diperlukan oleh parti.

"Saya rasa apa yang diluahkan oleh Presiden parti adalah perasaan dari lubuk hatinya untuk menangani masalah yang dihadapi parti dan perlu diberikan perhatian serius oleh semua pihak," katanya.

Bekas Naib Ketua Wanita Umno Datin Paduka Rahmah Osman, yang turut terbabit dalam pertandingan 1987 kerana menyokong Tengku Razaleigh, turut menyokong ingatan Dr Mahathir kepada anggota-anggota parti supaya mengelakkan perpecahan.

Rahmah, yang meninggalkan S46 beberapa tahun lepas untuk kembali ke pangkuan Umno, berkata wanita Umno yang telah membuat pemilihan semalam dengan menggantikan ketuanya perlu memberikan perhatian kepada ingatan itu.

Beliau berharap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, yang gagal mengekalkan jawatan ketua wanita setelah dikalahkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, akan menerima keputusan pemilihan dengan hati terbuka.

"Saya sendiri pernah tewas dalam pemilihan tetapi ini adat bertanding...ada yang menang dan kalah," katanya. -- BERNAMA

AZZ AKD